

08

Keberkesanan Pendekatan Drama (Teater) Menerusi Penilaian X, L & Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Khairunnisa Mohd Isa

khairunnisa_mohd_isa@moe.edu.sg

Muhammad Reduan Yahaya

Sekolah Rendah Xishan
muhammad_reduan_yahaya@moe.edu.sg

Abstrak

Kajian Pengajaran ini dijalankan untuk memupuk minat dan mempertingkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan murid darjah 1 dan 2 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut tinjauan awal, pendekatan ini sesuai bagi mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang berbeza lagi kreatif disebabkan peratusan besar murid bersifat visual dan kinestetik. Cara memastikan keberkesanan pendekatan drama pula dititikberatkan melalui penilaian tiga aspek pembangunan murid menerusi akronim KPE iaitu aspek kognitif yang menjurus kepada pertumbuhan mental murid, aspek psikomotor di mana pengamatan langsung serta pemerhatian tingkah laku murid selama proses pembelajaran dijalankan dan aspek efektif menerusi penerapan nilai-nilai dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui kitaran pertama kajian pengajaran yang dijalankan, didapati bahawa KPE yang digunakan dalam menentukan keberkesanan pendekatan drama dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu amat efektif. Dapatan kajian menerusi penilaian serta maklum balas yang diberikan menunjukkan bahawa murid yang menjalani pendekatan drama (teater) ini lebih minat dan yakin bertutur dalam bahasa Melayu menerusi pelbagai platform yang berbeza.

Kata kunci

Kognitif, Psikomotor, Efektif, Kemahiran Bertutur, Pendekatan Drama

PENGENALAN

Drama merupakan seni persembahan yang menyediakan saluran untuk ekspresi diri dan menggalakkan ruang pembelajaran yang kreatif. Drama dapat dijadikan sebagai alat atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kerana melibatkan pelbagai aspek pertumbuhan pelajar seperti intelek, fizikal, sosial dan emosi mereka. Aktiviti yang berkaitan dengan kaedah 'berdrama' dapat membangunkan potensi kreatif dalam kalangan murid dan sekaligus membantu untuk membangunkan kemahiran pemikiran kritis

Mengapa drama dianggap sesuai untuk digunakan sebagai satu pendekatan atau alat pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah? Pengarah teater dan guru pendidikan seni persembahan Matt Buchanan (2011) memberikan pendapat di dalam blognya bahawa pengajaran dan pembelajaran menerusi drama dapat merangsang kreativiti dalam penyelesaian masalah dalam kalangan murid.

Drama juga boleh mencabar dan menguji persepsi murid tentang dunia mereka dan tentang diri mereka sendiri apabila diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam, mahu pun di luar bilik darjah. Malahan, drama membolehkan murid meneroka saluran emosi, fikiran dan impian mereka yang tidak mungkin dapat diperolehi semasa suasana pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara formal atau tradisional. Melalui drama, murid perlu, walaupun hanya untuk beberapa ketika, menjadi watak yang berlainan daripada watak mereka sendiri. Murid digalakkan untuk berfikir secara kreatif dan menggunakan daya imaginasi mereka ketika berhubung dengan situasi yang pelbagai. Mereka tidak lagi dikongkong dan tiada garis batas yang ditetapkan ketika disuruh mengeluarkan pendapat terhadap sesuatu masalah. Dalam masa yang sama, murid, secara langsung atau tidak langsung diberikan peluang untuk meneroka peranan baharu, mencuba dan mengeksperimen pelbagai pilihan peribadi dan penyelesaian kepada masalah yang didedahkan atau dialami seperti masalah yang berpunca daripada kehidupan mereka sendiri atau masalah yang dihadapi oleh watak-watak dalam kesusasteraan dan tokoh-tokoh sejarah.

Selain itu, perkongsian masalah serta jalan keluar bagi masalah yang dibentangkan dapat dibincangkan dan diketengahkan dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang selamat. Tindakan dan kesannya boleh diteliti, dibincangkan, dan dalam perasaan yang nyata, murid yang terlibat dapat menghayati sesuatu keadaan dengan selamat dan sekaligus dapat membuat kaitan kepada kesimpulan dalam kehidupan yang sebenar. Oleh itu, ruang

pengajaran dan pembelajaran menjadi bebas dan murid berasa lebih berminat untuk belajar kerana perasaan takut dan kurang selesa atau tidak yakin dapat dihindarkan.

PENYATAAN MASALAH

Tinjauan awal yang dilakukan terhadap murid peringkat darjah rendah menunjukkan bahawa peratusan besar antara mereka mempunyai ciri-ciri pembelajaran yang bersifat audio, visual dan kinestetik. Murid pula akan lebih berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan mereka bergerak dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang selesa dan selamat. Jika mereka duduk terlalu lama, murid akan mula gelisah dan berasa bosan. Akibatnya, murid tidak dapat memberikan tumpuan di dalam kelas dan hilang minat terhadap bahasa Melayu.

Murid di peringkat darjah rendah juga mengalami kepayahan untuk mengeluarkan pendapat atau idea mereka ketika mengikuti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana takut jika pendapat dan jawapan yang diberikan mereka itu tidak tepat. Murid juga tidak yakin untuk berbicara dalam bahasa Melayu apatah lagi apabila mengeluarkan pendapat atau idea di hadapan khalayak kerana masih mempunyai perasaan malu dan gementar.

Kreativiti murid dan imaginasi mereka akan tersekat atau dihambat sekiranya mereka hilang minat terhadap Bahasa Melayu. Kesannya pula akan berlipat kali ganda apabila mereka meneruskan untuk mempelajari Bahasa Melayu pada peringkat pertengahan dan peringkat atas. Maka itu, perkara ini menjadi lebih serius kalau tidak ditangani di peringkat awal pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Justeru, pendekatan drama diperkenalkan dalam kalangan murid peringkat rendah sebagai pendekatan alternatif atau alat bantu kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pendekatan ini membantu menarik minat murid terhadap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu tanpa menjejaskan masa kurikulum yang sedia ada.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memberi peluang kepada murid untuk menikmati suasana pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara kreatif. Guru pula

dapat memantau perkembangan murid secara holistik bukan sahaja menerusi penilaian yang dilakukan secara sumatif tetapi juga menitikberatkan penilaian yang dibuat secara formatif. Ini memenuhi tuntutan kemahiran abad ke-21 dan penilaian yang lebih menekankan pertumbuhan murid secara berperingkat. Justeru, tujuan kajian ini dibahagikan kepada tiga perkara yang berpusatkan murid iaitu untuk:

1. meneliti keberkesanan pendekatan drama dalam menggalakkan minat murid terhadap bahasa Melayu;
2. menilai keberkesanan pendekatan drama dalam mempertingkatkan kemahiran bertutur murid; dan
3. menilai keberkesanan drama dalam penerapan nilai dan membina keyakinan diri murid.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan drama telah banyak digunakan untuk menarik minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran secara amnya. Manfaat yang diraih menerusi pendekatan drama ini juga dapat dilihat menerusi kajian yang pernah dijalankan. Basom (2005) menunjukkan bahawa murid yang menjalani pendekatan drama menerusi pengajaran dan pembelajaran di sekolah mencapai peningkatan dalam pembelajaran mereka serta membangkitkan keyakinan mereka berinteraksi dan cara mereka berfikir. Kajian ini jelas memaparkan kesan yang positif terhadap pertumbuhan murid yang menyentuh aspek fizikal, emosional, sosial dan juga kognitif. Ini bermakna, pendekatan drama bukan sahaja dapat membina bukan sahaja kekuatan mental murid tetapi dapat membina seorang murid yang serba boleh yang sesuai dengan tuntutan sistem pengajaran dan pembelajaran yang bersifat global.

Menurut Ustundag (1997) pula, keberkesanan menggunakan pendekatan drama amat ketara. Di Ankara, sekolah-sekolah rendah swasta telah mengintegrasikan drama ke dalam kurikulum mereka. Langkah yang diambil oleh sekolah-sekolah rendah swasta ini menjadi daya tarikan kepada Kementerian Pendidikan Ankara sehinggakan pihak kementerian pendidikan itu membuat keputusan untuk mengambil langkah yang sama. Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, didapati bahawa murid yang terlibat dalam pendekatan drama menunjukkan prestasi yang cemerlang bukan sahaja dari segi pembelajaran bahasa malahan dalam mata pelajaran yang lain juga. Mereka berpendapat bahawa pendekatan drama yang diintegrasikan ke dalam kurikulum membolehkan murid berfikir secara kreatif. Murid pula lebih bersikap terbuka kerana pendekatan drama menggalak mereka untuk bekerjasama antara satu sama lain dan membolehkan

mereka membuat rundingan terhadap permasalahan yang diketengahkan. Menurut Ustundag (1994) jika ruang berdrama atau bermain disediakan, murid lebih cenderung terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kerana mereka dapati suasana pengajaran dan pembelajaran yang disediakan selamat dan pergerakan serta pemikiran mereka tidak terkongkong.

Ramai juga mempunyai tanggapan bahawa drama hanya merupakan satu seni persembahan yang tidak dapat membantu murid dalam meraih kecemerlangan akademik. Kajian yang dijalankan oleh Kimberly (2008) telah membuktikan bahawa tanggapan itu tidak tepat. Walaupun ramai ibu bapa bimbang penyertaan dalam drama akan menjejaskan kemajuan akademik anak mereka, satu kajian UCLA menyimpulkan bahawa murid yang terlibat dalam seni lebih cenderung untuk mempunyai prestasi akademik yang lebih tinggi dan markah ujian yang lebih baik. Keuntungan dari segi akademik bukan sahaja manfaat yang diraih. Terdapat bukti-bukti kukuh bahawa drama telah membangkitkan keyakinan diri dan kemahiran pengucapan awam yang lebih baik. Kimberly menegaskan bahawa murid menunjukkan kelebihan lain seperti keupayaan untuk bekerja dengan pelbagai pihak dan keupayaan bekerja untuk mencapai sesuatu konsensus walaupun terdapat perbezaan atau halangan untuk mencapai matlamat. Murid didapati belajar untuk menepati masa, disiplin diri, dan menerima maklum balas. Murid juga didapati mempunyai keupayaan untuk bercakap dengan yakin di hadapan satu kumpulan di platform yang berbeza.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat eksperimental. Kajian ini dijalankan pada peringkat awal untuk melihat penerimaan murid, guru serta ibu bapa terhadap pendekatan drama yang diperkenalkan. Para guru juga menjalani beberapa sesi pengenalan terhadap pengajaran drama secara berperingkat dan kemudian menerapkan pengetahuan mereka di dalam kelas dan memantau keberkesanannya terhadap pembelajaran murid. Maklum balas diberi sekiranya timbul masalah bukan sahaja yang melibatkan murid tetapi juga melibatkan guru yang mengendalikan sesi tersebut. Masalah dikenal pasti diterima dan dikemas kini. Tindakan susulan diambil untuk merapatkan jurang yang timbul untuk menjadikan pendekatan drama lebih berkesan dan bermanfaat kepada pembelajaran murid.

SUBJEK KAJIAN

Setiap murid darjah 1 dan 2 dan menjalani program drama yang berlangsung selama dua penggal. Program yang dijalankan bermula dari peringkat awal persekolahan darjah 1 dan dilanjutkan sehingga ke peringkat darjah 2. Murid darjah 1 dan 2 dipilih kerana tujuan utama kajian adalah untuk memupuk minat terhadap Bahasa Melayu di peringkat awal lagi.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan merupakan penilaian formatif serta sumatif yang dirancang oleh guru menerusi sesi 'Unjuk dan Ujar' dan ketika menjalani penilaian komponen lisan iaitu perbualan berdasarkan gambar. Borang penilaian juga diberikan kepada guru untuk memantau tingkah-laku murid ketika mengikuti kelas Bahasa Melayu.

PROSEDUR KAJIAN

Sebelum program dijalankan, guru menyertai sesi perkongsian dan sesi amali untuk melengkapkan mereka dengan pengalaman untuk mengajar dengan menggunakan pendekatan drama dan supaya mereka lebih peka terhadap tujuan yang ingin diketengahkan bagi setiap sesi yang dijalankan. Perbincangan, perkongsian dan maklum balas kerap dijalankan untuk melihat keberkesanan dan kesediaan guru untuk mengendalikan kelas dengan menggunakan pendekatan drama yang telah dipelajari. Guru juga diberi kebebasan untuk memilih tempat yang sesuai untuk menjalankan program tersebut.

Perancangan pengajaran juga telah disediakan untuk semua guru yang terlibat dalam menjalankan program ini dan rancangan pengajaran ini dibuat untuk menepati kurikulum Bahasa Melayu untuk darjah 1 dan 2. Tujuan pengajaran dan pembelajaran juga telah dikemukakan di dalam rancangan pengajaran. Lembaran kerja juga telah dilampirkan bersama dengan rancangan pengajaran

Kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan murid secara menyeluruh yang menyentuh tiga aspek pembangunan iaitu pembangunan kognitif, psikomotor and afektif. Setiap sesi yang dijalankan, murid akan diberi borang penilaian di mana dengan bantuan guru mereka, menilai diri mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Selain itu, guru juga mempunyai borang penilaian yang berbeza daripada murid kerana guru menilai

pembangunan murid terhadap sesi yang mereka jalani. Borang penilaian guru ini diberikan kepada ibu bapa supaya ibu bapa dapat meninjau pembangunan anak mereka secara menyeluruh. Borang yang disediakan mengikut tiga aspek pembangunan murid yang telah dibicarakan tadi. Murid akan membuat penilaian mereka sendiri dan disokong dengan penilaian yang dibuat oleh guru. Penilaian ini bertujuan untuk menjadikan murid lebih reflektif dan membolehkan guru untuk memantau perkembangan murid secara menyeluruh. Kemudian, pemantauan juga dapat dibuat di rumah apabila maklum balas dan borang penilaian diberikan kepada ibu bapa.

Salah satu penilaian yang dijalankan melihat dari aspek pembangunan kognitif murid. Penilaian ini dibuat dengan melihat penerimaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dari aspek tatabahasa yang diajar secara eksplisit. Perhatian yang diberikan guru adalah menerusi kecekapan murid untuk memberikan respons terhadap apa yang diajar dan menerusi lembaran kerja yang disediakan berdasarkan aktiviti yang dijalankan. Guru juga memantau pembangunan aspek kognitif murid menerusi respons yang diberikan sama ada secara individu, berkumpulan atau di depan khalayak. Guru melihat sama ada murid spontan dan kritikal ketika memberikan pendapat. Pembelajaran tatabahasa berlaku secara tidak langsung. Guru kemudian menilai bahagian pembangunan kognitif murid dan memberikan maklum balas kepada murid serta ibu bapa.


Selepas membuat penilaian kognitif, pada masa yang sama, guru juga menilai aspek psikomotor murid. Guru membuat penilaian melalui pemerhatian tingkah laku murid ketika menjalani sesi tersebut. Aspek psikomotor dilihat menerusi pemerhatian pergerakan pelajar ketika arahan diberikan dan selepas arahan diberikan serta respons yang diberikan apabila murid menjalankan aktiviti yang diberikan secara individu dan aktiviti berkumpulan. Aspek psikomotor melihat dari segi keupayaan penerimaan murid terhadap apa yang disuruh dan bagaimana murid itu membuat apa yang disuruh dengan tepat serta kebolehannya menghimpunkan arahan yang diberikan secara individu atau kepada rakan-rakan sekumpulannya. Jika murid tidak dapat melibatkan diri mereka secara aktif, pemantauan dan maklum balas selanjutnya akan diberikan dan ibu bapa juga akan dimaklumkan menerusi borang penilaian yang disediakan. (Sila lihat Lampiran 1).

Sekaligus, guru juga menilai aspek afektif murid yang menyentuh aspek emosi mereka sama ada secara individu atau berkumpulan. Aspek afektif juga menyentuh nilai-nilai murni yang harus wujud ketika sesi itu dijalankan. Aspek

afektif murid dinilai menerusi cara mereka melaksanakan tugas mereka secara individu dan berkumpulan. Ia dilihat sama ada pelajar ada menitikberatkan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kasih sayang, integriti dan lain-lain lagi. Aspek ini juga melihat faktor sosial pelajar dan cara mereka berinteraksi dengan rakan-rakan mahu pun guru mereka yang menjalankan sesi tersebut. Ibu bapa juga dimaklumkan tentang perkara tersebut.

Secara keseluruhan, prosedur kajian ini mengikut model tiga segi (Rajah 1) yang berlandaskan tuntutan kecekapan abad ke-21 dan mengikut tujuan pendekatan drama ini. Keberkesanan pendekatan drama ini juga dapat dinilai menerusi maklum balas dan penilaian yang dijalankan. Model tiga segi ini merupakan panduan program supaya ianya tidak tersasar dari tujuan. Di akhir program yang dijalankan, murid diberi peluang untuk mempersembahkan sebuah pementasan dan ibu bapa diundang untuk melihat minat dan pencapaian anak mereka terhadap Bahasa Melayu. Borang penilaian disimpan di dalam portfolio murid.

Rajah 1: Model Drama & Pertuturan




Model 1: Menunjukkan peringkat pembangunan yang harus dicapai pelajar setelah menjalani pendekatan drama dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Menerusi kajian yang dijalankan, kami telah menyiapkan borang maklum balas kepada murid dan ibu bapa terhadap keberkesanan dan penerimaan mereka

terhadap program yang dijalankan. Berikut merupakan maklum balas ibu bapa dan murid terhadap pendekatan yang digunakan.

Rajah 2: Maklum Balas Ibu Bapa Darjah 1 dan Darjah 2



Rajah 3: Maklum Balas Murid Darjah 1 dan Darjah 2



Secara purata, murid dan ibu bapa dapat menerima program yang dijalankan dengan memberikan maklum balas yang positif. Ibu bapa juga memberikan respons bahawa program yang dijalankan amat bermanfaat kepada anak mereka dan mereka ingin program ini diteruskan. Murid pula berasa yakin dan lebih minat mempelajari Bahasa Melayu kerana suasana pengajaran dan pembelajaran yang disediakan amat seronok dan murid berasa senang mengeluarkan pendapat

mereka bersama dengan rakan-rakan serta guru yang mengendalikan kelas itu. Murid darjah 2 juga menyarankan supaya pendekatan ini diteruskan pada peringkat darjah 3 dan ini merupakan satu maklum balas dan saranan yang baik.

KESIMPULAN

Berdasarkan maklum balas positif yang diberikan dan menerusi penilaian yang dijalankan, guru mendapati bahawa murid lebih berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menerusi pendekatan drama yang digunakan. Murid juga tampil yakin dan perhubungan antara murid semakin rapat dan pelajar berupaya untuk berinteraksi dan bertukar pendapat pada peringkat yang lebih awal. Walaupun usia mereka muda, murid darjah 1 dan 2 kini dapat memberikan respons mereka secara kritikal. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih efektif dan murid juga kelihatan lebih bersedia apabila membuat pembentangan sama ada secara individu atau secara berkumpulan. Suasana pembelajaran juga selamat dan murid tidak tertekan ketika mempelajari sesuatu perkara yang baharu.

Ibu bapa dan guru-guru turut memberikan maklum balas mereka dengan menjelaskan bahawa murid kini suka menghadiri kelas Bahasa Melayu dan mereka selalu tidak sabar menantikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Seperti apa yang dikatakan Basom (2005) murid yang menjalani pendekatan ini menunjukkan peningkatan dari segi pertumbuhan pembangunan murid yang dilihat dari aspek fizikal, sosial, emosi dan kognitif.

RUJUKAN

- J. Bason (2005), *The Benefits Of Drama Education*, Drama Education Network.
- Tulay Ustundag (1997), *The Advantage Of Using Drama As A Method Of Education In Elementary Schools*, Hacettepe Üniversitesi Eğitim Fakültesi Dergisi 13: 89-94.
- Tulay Ustundag (1994) "Drama in Contemporary Education", *Education in Life*. November & December, Vol. 37, pg 8-9.